

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS
JOHNITY ONGKILI [KOTA MARUDU]**

TARIKH : 25 NOV 2019 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah fokus terkini program-program R&D bagi sektor kelapa sawit, apakah hasil program-program tersebut dan impak kepada industri sawit dari segi usaha negara mempertahankan "competitive edge" dalam sektor ini. Bagi tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019 berapa jumlah peruntukan telah digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sedang menfokuskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan bahan tanaman berkualiti dalam usaha meningkatkan hasil dan kualiti sawit.

Dalam hal ini, beberapa siri baka baharu terpilih yang berpotensi tinggi hasil penyelidikan biji benih dan klon kultur tisu telah diperkenalkan yang berkeupayaan untuk menghasilkan minyak sebanyak 6 hingga 10 tan/hektar/tahun. MPOB juga sedang berada pada fasa terakhir penyelidikan untuk pengeluaran bahan tanaman dengan ciri sasaran seperti keretakan, tandan panjang, rintang penyakit dan sebagainya. Bahan tanaman berkualiti ini akan digunakan dalam penanaman semula bagi menggantikan tanaman yang tidak lagi produktif dan seterusnya dapat meningkatkan pengeluaran sawit negara serta pendapatan penanam sawit. Selain itu, kit diagnostik 'SureSawit' iaitu satu mekanisme penyaringan kontaminasi secara komprehensif telah dibangunkan dan digunapakai bagi menjamin kualiti bahan tanaman yang dihasilkan. Kit ini berupaya mengesan kontaminasi bahan tanaman di peringkat tapak semaian dan seawal sebelum percambahan.

MPOB juga giat menjalankan R&D bagi meningkatkan kecekapan pemprosesan minyak sawit bagi meningkatkan kualiti serta menjamin keselamatan produk sawit yang dihasilkan. Ini termasuk kajian bagi mengurangkan tahap 3-MCPDE dalam rangkaian pemprosesan minyak sawit. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan dana penyelidikan untuk membantu penggiat industri mengurangkan pembentukan 3-MCPDE melalui kajian lapangan melibatkan kilang sawit terpilih, kilang penapis dan penyedia teknologi yang akan mengoptimumkan pemprosesan minyak sawit untuk mencapai tahap 3-MCPDE yang rendah.

Bagi membangunkan sektor hiliran, aktiviti R&D difokuskan dalam penghasilan produk-produk baharu serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran sawit. Antaranya adalah aplikasi biodiesel sawit dalam sektor industri dan automotif. Sehingga kini, MPOB telah berjaya melaksanakan pengadunan biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel

SOALAN NO : 29

petroleum) bagi sektor pengangkutan dan B7 bagi sektor industri. Kajian sedang diteruskan untuk pengadunan lebih tinggi sehingga B30 yang melibatkan kolaborasi dengan universiti-universiti di Malaysia, China dan Jepun. Program ini adalah salah satu langkah penstabilan stok dan harga minyak sawit. Selain itu, kajian penyelidikan klinikal berkenaan pengambilan minyak sawit, minyak sawit merah dan juga fitonutrien sawit terutamanya vitamin E tokotrienol yang bertujuan untuk menilai kesan kepada kesihatan juga sedang dijalankan. Hasil kajian ini dapat menyokong usaha promosi minyak sawit, minyak sawit merah dan vitamin E tokotrienol sebagai produk yang mempunyai kandungan antioksidan tinggi serta memberi pelbagai kebaikan dari segi kesihatan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara keseluruhannya, dari tahun 2016 sehingga September 2019, lebih daripada RM40.1 juta telah dibelanjakan bagi program-program R&D. Banyak daripada hasil program-program R&D ini telah dipindahkan dan dikongsi bersama penggiat industri dan dikomersialkan. Ini telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan penggiat industri serta kemasukan pelaburan asing dan tempatan.

Sekian, terima kasih.